



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

**MAJLIS KONVOKESYEN IMPAC KE-9:
TVET AGRIKOMODITI TERAS PEMBANGUNAN MODAL INSAN NEGARA**

1. YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi, hari ini merasmikan Majlis Konvokesyen Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) ke-9 di The Everly Hotel, Putrajaya. Majlis ini meraikan kejayaan seramai 458 graduan yang telah menamatkan latihan kemahiran dalam sektor agrikomoditi.
2. Dalam ucapannya, YB Datuk Seri Johari menegaskan komitmen kerajaan dalam membangunkan modal insan berkualiti tinggi bagi memastikan kelangsungan dan daya saing industri perladangan. “Transformasi penting sektor perladangan daripada model berdasarkan buruh kepada model berdasarkan teknologi - Penggunaan automasi, mekanisasi, Internet of Things (IoT), dan Kecerdasan Buatan (AI) akan memastikan industri ini kekal relevan dan menarik kepada tenaga kerja tempatan, khususnya golongan belia,” katanya.
3. Beliau turut memuji inisiatif IMPAC yang melaksanakan Projek Rintis Machine Specialist dan Harvesting Specialist dengan kerjasama syarikat perladangan utama seperti SD Guthrie dan FGV Holdings Berhad. Projek ini telah membuka peluang kepada belia tempatan untuk menyertai sektor perladangan dengan kemahiran tinggi serta menawarkan prospek kerjaya yang lebih stabil dan berdaya maju.
4. Kerajaan juga akan memperkuuh kerjasama dengan industri melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), di mana setiap syarikat yang terlibat akan menawarkan peluang pekerjaan kepada 20 orang pelatih IMPAC. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya tarikan sektor perladangan serta menawarkan gaji lebih kompetitif kepada tenaga kerja tempatan.

5. "TVET agrikomoditi adalah masa depan industri perladangan. Saya menyeru lebih ramai belia untuk mengambil peluang ini dan menyertai latihan kemahiran dalam bidang ini demi memastikan industri terus berkembang dan bersaing di peringkat global," tambahnya.
6. IMPAC, sebagai institusi TVET utama dalam sektor agrikomoditi, akan terus memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan memastikan sektor ini kekal berdaya saing serta mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
24 FEBRUARI 2025